

# Hubungan KL-Jakarta tidak terjejas — PM

UM 25 JAN 2002

Oleh YUSRI SAHAT

**K**UALA LUMPUR 24 Jan. — Keputusan drastik kerajaan menjadikan warga Indonesia sebagai pilihan terakhir pengambilan pekerja asing di negara ini tidak menjejaskan hubungan baik Kuala Lumpur-Jakarta, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tegas Perdana Menteri, meskipun menyadari ada kelompok tertentu di Indonesia tidak menyukai hubungan baik sedia ada di antara kedua-dua negara, namun Malaysia berkeyakinan penuh mampu menangani perkara tersebut.

Sebaliknya, kata beliau, yang menjerakkan hubungan dua negara ketika ini adalah disebabkan perbuatan rusuh pekerja-pekerja Indonesia terutama yang berlaku di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Perbuatan tidak bertanggungjawab itu yang menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dan kerajaan negara ini terhadap pendatang Indonesia.

“Selama ini kita tidak membantah (tindakan pekerja Indonesia melakukan jenayah ganas) tetapi apabila rusuhan dibuat oleh satu kumpulan, lepas itu satu kumpulan dan lepas itu satu kumpulan lagi, maka kita tidak boleh berdiam diri.

“Kita telah banyak beri layanan kepada mereka dan tidak akan beri simpati kepada mereka (lagi), kalau

datang secara haram, kita hantar balik serta-merta. Merekalah (pendatang Indonesia) yang mengeruhkan (hubungan Kuala Lumpur-Jakarta), bukannya kita,” katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

## Mengulas

Perdana Menteri mengulas keputusan kerajaan menjadikan pekerja Indonesia sebagai pilihan terakhir pengambilan pekerja asing ekoran tindakan segelintir mereka mengancam keselamatan negara.

Serentak itu, Kementerian Sumber Manusia menghantar para pegawai penyiasat ke kilang-kilang seluruh negara bagi memantau dan mendapatkan maklumat terkini berhubung pekerja asing terutama Indonesia.

Rakyat asing yang ditangkap kerana memasuki negara ini secara tidak sah pula akan dihantar pulang dalam tempoh 24 jam selepas ditahan.

Kesemua langkah drastik ini diputuskan oleh Kabinet semalam ekoran insiden rusuhan melibatkan pekerja Indonesia di Nilai dan Dengkil, Selangor dalam tempoh seminggu lepas.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, sebenarnya banyak kes jenayah yang dilakukan oleh pekerja dan pendatang Indonesia di negara ini tidak diperbesar-besarkan oleh kerajaan.

Kes-kes jenayah terbabit hanya dianggap sebagai jenayah biasa.

“(Tetapi)... kalau kita jumlahkan pendatang Indonesia berbanding jumlah jenayah, kita dapati jenayah yang dilakukan mereka agak besar.

“Jenayah ini adalah ganas termasuk menggunakan senjata semasa merompak dan sebagainya,” katanya.

Sehubungan itu, tegas Perdana Menteri, mesyuarat MT hari ini turut menyokong langkah kerajaan tidak membawa masuk pekerja Indonesia ke negara ini.

Pada sidang akhbar itu, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa keputusan kabinet berkaitan pekerja Indonesia turut melibatkan sektor pembantu rumah dari negara tersebut.

Mengulas tuduhan beberapa pertubuhan hak asasi manusia yang berpangkalan di Indonesia bahawa kononnya rusuhan pekerja-pekerja negara itu di Nilai berpunca daripada keganasan polis, Dr. Mahathir mencabar mereka menunjukkan bukti tersebut.

“Tunjukkan bukti keganasan polis. Kita tengok gambar di sana menampakkan polis lebih ganas berbanding di sini. Tuduhan ini tidak patut dibuat.

“Mereka patut kemukakan yang benar, ini percubaan untuk memburukkan hubungan Malaysia dan Indonesia,” katanya.

Ditanya sama ada sikap majikan gemar mengambil pekerja asing disebabkan mereka boleh membayar gaji yang rendah, Dr. Mahathir tidak menolak kemungkinan itu.

Bagaimanapun, beliau turut menyalahkan sikap rakyat tempatan yang tidak sanggup bekerja seperti warga Indonesia.

“Mereka kerja sampai malam dan kita tengok ini di tapak-tapak pembinaan, berbanding cara orang Melayu buat ubat pun tidak boleh.

“Orang Indonesia sanggup kerja lebih masa, cuba tengok lampu terang pada sebelah malam, (anda) boleh periksa siapa yang bekerja,” katanya.

## Pembersihan

Menjawab soalan sama ada kerajaan akan melakukan ‘pembersihan’ ke atas tapak-tapak penjaja di Jalan Chow Kit dan Pasar Keramat yang didominasi oleh warga Indonesia, beliau berkata:

“Ya, kita akan lancarkan juga tetapi yang menjadi masalah ialah penjaja kita jual tempat kepada orang, lepas itu mengadu tengoklah orang Indonesia ambil tempat dia, sebab dia juallah.

“Kita bagi lesen dan tempat pun, dia jual juga, takkan boleh masuk tempat itu kalau dia tak jual. Takkan dia rampas, kalau rampas dia boleh beritahu kita.”

Tegas beliau: “Semuanya kerajaan yang kena buat, dia jual, kerajaan rampas balik bagi kat dia. Tak bagi nanti ugut tak mahu undi kita”.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, beliau tiada rancangan untuk bertemu Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri berhubung keputusan kabinet semalam.